

Headline	Kukuh organisasi melalui al-Quran		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 May 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	22
ArticleSize	825 cm <sup>2</sup>	Journalist	ASYRAF
PR Value	RM 42,218		

Foto: MOHD (ZARI ROSLI)

# Kukuh organisasi melalui al-Quran

**Program Power Talk #Quranhour Interaksi Surah Al-Maidah beri pemahaman kepada peserta**

ASYRAF MUHAMMAD

DAMANSARA

**S**ebanyak sembilan organisasi menyertai program Power Talk #Quranhour - Managing Trust Interaksi Surah Al-Maidah yang berlangsung di Restoran Hadramawt, The Curve, semalam.

Program tersebut dianjurkan bagi memberi pemahaman kepada para peserta mengenai maksud dan ciri-ciri sebenar di sebalik ayat yang terkandung di dalam surah berkenaan.

Penasihat Modul Rumah Ngaji, Fazrul Ismail berkata, setiap organisasi dan pentadbiran perlu menjadikan ayat 8 dalam Surah al-Maidah sebagai pelan transformasi untuk mencambahkan benih keimanan dalam diri setiap kakitangan mereka.

"Sebenarnya ayat ini amat kuat sekali dan memang ia sesuai untuk dijadikan panduan oleh setiap ketua dan pemimpin dalam pelan transformasi mereka.

"Maksud ayat ini secara spesifik menerangkan tentang manusia yang perlu bangkit bagi memperjuangkan keadilan untuk diri, keluarga

dan orang lain.

"Jika seseorang pemimpin itu melakukan sesuatu perkara atau tindakan hanya untuk diri sendiri serta kumpulannya sahaja, maka itu merupakan satu kehancuran bagi sesebuah kepimpinan," katanya.

Program Power Talk #Quranhour - Managing Trust Interaksi Surah al-Maidah dianjurkan Gotz Travel and Tours Sdn Bhd dan Hadramawt dengan kerjasama Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (YWUI) sempena World #Quranhour pada 22 Jun nanti.

Organisasi yang menyertai program itu termasuklah Tenaga Nasional Berhad (TNB), DRB-Hicom, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pelayaran Islamic, Tradewinds Travel, Teraju Ekonomi Asnaf, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Jabatan Perpaduan Negara.

Mengulas lanjut mengenai ayat tersebut, Fazrul berkata, organisasi dan badan yang mengikuti program itu dilihat sudah mula mengambil perhatian serius tentang benih keimanan kepada al-Quran bagi membawa pembaharuan di dalam pentadbiran mereka.

Beliau berkata, setiap individu mempunyai benih keimanan dan sekiranya ia disiram serta disemai dengan baik, pelbagai manfaat bakal diperoleh secara menyeluruh kepada semua pihak.

"Kita harapkan agar setiap pihak akan memandang



Pengasas YWUI, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob memberikan ucapan.



Antara peserta yang mengikuti program tersebut.



Sheikh Awadh memberikan ucapan aluan kepada peserta yang hadir.

serius mengenai perkara ini dan dapat menyemainya di kalangan kakitangan mereka," katanya.

Pengarah Urusan Gotz Travel and Tours Sdn Bhd, Sheikh Awadh Sheikh Abdullah berkata, program tersebut dapat memberikan pemahaman buat peserta khususnya bagi memahami maksud di sebalik ayat 8 surah

al-Maidah tersebut.

Sheikh Awadh berkata, program-program sebegini dapat membantu pihak-pihak dan kepimpinan lain bagi mempraktikkan isi-isi kandungan di dalam al-Quran yang mempunyai pelbagai ciri positif ke dalam pentadbiran sesebuah organisasi.

"Seperti kita tahu, al-Quran membantu kita me-

nilai kehidupan daripada segi ibadat, keikhlasan bekerja, keselamatan dan lain-lain lagi.

"Sebenarnya, banyak ciri-ciri yang terdapat di dalam Al Quran perlu kita terokai secara lebih mendalam lagi," katanya.

Sheikh Awadh berkata, pihaknya akan meneruskan kesinambungan program-

program sebegini berikutan pelaksanaannya dapat membantu kakitangan untuk lebih prihatin terhadap aspek masa, amanah dan keikhlasan.

Tambah beliau, pihaknya amat berbangga dan bersyukur dapat bekerjasama dengan YWUI dalam menjayakan program ini dan berharap agar ia dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.



Fazrul memberi pendedahan kepada peserta mengenai maksud sebenar di sebalik ayat 8 Surah Al-Maidah.



Peserte tekun mendengar maksud ayat yang dibacakan oleh Fazrul.